

## **Analisis Hukum Penggunaan Dana Zakat untuk Pembangunan Model Takaful Mikro** *An Analysis on the Ruling of Using Zakat Fund for the Development of Micro Takaful Model*

NIK ABDUL RAHIM BIN NIK ABDUL GHANI, NURUL ILYANA MUHD ADNAN, AHMAD DAHLAN  
SALLEH, SALMY EDAWATI YAACOB, RUBAYAH YAKOB, HENDON REDZUAN,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

*Takaful mikro merupakan salah satu manifestasi prinsip rangkuman kewangan dalam sesebuah negara. Ia bertujuan membiayai golongan miskin dan sebahagian golongan B40 yang berkemungkinan termasuk dalam asnaf zakat khususnya ketika menghadapi masalah kewangan akibat kemalangan, sakit atau kematian. Namun begitu, isu yang sering menyelubungi takaful mikro ialah kemampuan dana untuk menampung keperluan risiko. Salah satu solusi yang dicadangkan ialah dengan menggunakan dana zakat memandangkan saiz dana zakat yang besar. Peningkatan dana zakat dari tahun ke tahun menuntut kepada sistem agihan yang efisien dan cekap. Salah satu kaedah yang dicadangkan ialah dengan menggunakannya dalam pembangunan model takaful mikro. Walaubagaimanapun, zakat adalah salah satu rukun Islam yang tertakluk kepada beberapa hukum yang ketat termasuk dalam isu agihan dana kepada sasaran yang spesifik. Oleh itu, kertas ini cuba mengupas isu penggunaan dana zakat dalam pembangunan takaful mikro dengan memberi fokus kepada pandangan fuqaha silam dan kontemporari mengenai isu tamlik (pemberian milik) harta zakat kepada asnaf. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan menganalisis pandangan fuqaha' mengenai isu tamlik kepada asnaf zakat dalam agihan dana tersebut. Hasil kajian mendapati isu fiqh yang utama dalam pembangunan model takaful mikro daripada dana zakat ialah isu tamlik harta zakat kepada golongan asnaf. Pihak berautoriti khususnya institusi fatwa setiap negeri wajar mengeluarkan satu fatwa yang rasmi sama ada ia dibenarkan atau tidak.*

*Kata kunci: Takaful Mikro, Zakat, Tamlik, Baitulmal, asnaf, B40*

### **ABSTRACT**

*Micro takaful is a manifestation of financial inclusion principle in a country. It aims to finance a group of poor people and some B40 segment which probably falls under the segment of zakat asnaf especially in facing financial hardship caused by any event of accident, illness or death. Nevertheless, the issue that often affects micro takaful is the sustainability of its fund to cope with risk requirements. One of the proposed solutions is by using zakat fund in view of the large size of zakat fund. Moreover, the increasing of zakat fund from year to year demand for efficient distribution systems. Amongst the proposed methods is to use them in the development of a micro takaful model. However, zakat is one of the pillars of Islam that needs to comply with some strict rules including the distribution of the fund to specific asnaf. Hence, this paper attempts to examine the ruling of using zakah fund in the development of micro takaful model by focusing on the views of classical and contemporary jurists on the issues of tamlik (transfer of ownership) zakat property to asnaf. This study employs a content analysis method by analysing the views of the jurists on the issue of tamlik to the asnaf zakat in the distribution of the fund. The findings suggest that the major fiqh issue in the development of the micro takaful model by using zakat fund is the issue of tamlik the zakah to the asnaf. The authoritative bodies, especially the fatwa institution of every state, should issue a formal fatwa whether it is allowed or not.*

*Keywords: Micro takaful, zakat, tamlik, Baitulmal, asnaf, B40*

### **PENGENALAN**

Rangkuman kewangan atau *financial inclusion* adalah agenda global yang sangat penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Ia merujuk kepada penyampaian perkhidmatan kewangan sama ada perbankan atau takaful yang turut mencakupi semua golongan manusia. Golongan ini biasanya terhalang daripada akses kepada perkhidmatan kewangan kerana beberapa faktor

seperti hilang punca pendapatan, berpendapatan renda, kurang upaya, jarak geografi dan sebagainya (Abd Ghafar Ismail et al. 2016). Ini menjadikan polisi dan strategi rangkuman kewangan telah dipkenalkan di pelbagai negara termasuk Malaysia.

Kewujudan takaful mikro merupakan salah satu manifestasi prinsip rangkuman kewangan dalam sesebuah negara. Blueprint Sektor Kewangan 2011-2020 menyatakan dengan jelas kepentingan rangkuman kewangan untuk memastikan

keseimbangan dan kemampunan pertumbuhan ekonomi kerana Malaysia menuju ke arah negara berpendapatan tinggi (Bank Negara Malaysia 2016). Secara umumnya, pecahan kadar penembusan takaful keluarga dan insurans hayat mendedahkan bahawa pemilikan takaful dan insurans di kalangan B40 sangat rendah berbanding populasi nasional.

Berdasarkan kepada laporan Bank Negara Malaysia (2017), kadar penembusan golongan B40 hanya sekitar 30.3% pada akhir 2016 jika dibandingkan dengan populasi bekerja nasional yang mana kadar penembusan sekitar 50.4% pada tahun 2017. Ini menunjukkan isu akses dan capaian kepada takaful atau insurans di kalangan segmen B40 sangat kritikal. Golongan B40 merupakan golongan yang mudah terdedah kepada kejutan kewangan kerana mereka kebiasaannya mempunyai sumber simpanan atau tabungan yang renda. Apabila berlaku kejutan kewangan, seperti kematian atau kesakitan ketua keluarga, isi rumah bukan setakat terjejas sumber pendapatan, malahan akan mengalami kekurangan dana untuk menampung perbelanjaan luar jangkaan (Bank Negara Malaysia 2017).

Maka, dalam keadaan tersebut takaful dan insurans memainkan peranan penting sebagai *safety net* (jaring keselamatan kewangan) iaitu sesuatu yang boleh menyalurkan bantuan kewangan atau pampapasan sekiranya seseorang mengalami kecemasan. Justeru, takaful mikro merupakan satu pampasan yang mampu menyediakan keselesaan sementara dan membantu isi rumah mengawal kecemasan kewangan ketika kejutan ekonomi berlaku disebabkan kematian atau kemalangan. Walau bagaimanapun, kebiasaannya, isi rumah B40 khususnya golongan asnaf zakat tidak mampu mendapatkan polisi takaful kerana mereka tidak mempunyai pendapatan boleh guna yang mencukupi. Justeru, ini membuktikan keperluan kepada institusi takaful mewujudkan takaful mikro yang boleh menampung dan mengisi kelompangan ini. Namun begitu, pembinaan model takaful mikro masih dihantui dengan kemampunan dana untuk menampung keperluan risiko.

Oleh kerana takaful mikro bertujuan membiayai golongan miskin, isu pendanaan sering menjadi kritikal dalam industri kewangan mikro Islam. Menurut Rubayah & Nor Hamizah (2017), golongan B40 hanya mampu membayar jumlah sumbangan/premium sekitar RM21-RM30 setiap bulan. Jumlah sumbangan atau premium yang kurang memberi kesan kepada pengecilan dana risiko. Malahan menurut kajian tinjauan oleh Htay, Sadzali, & Amin (2015) didapati golongan miskin hanya mampu menyumbang lebih kurang RM5 sahaja untuk setiap skim dan sebahagian pula tidak mampu menyumbang. Ini sebenarnya akan menyebabkan dana risiko menjadi kecil dan membantut pertumbuhan takaful.

Kekurangan dana boleh melemahkan potensi pertumbuhan pada masa depan dan memberi kesan terhadap usaha dan strategi ke arah rangkuman

kewangan dan pembangunan mampan. Muhammad Ali Jinnah et al (2017) menyuarakan isu pendanaan takaful mikro berkisar sekitar sumber yang kukuh dan mencadangkan penggunaan dana zakat dan wakaf. Beberapa kajian mencadangkan integrasi dana wakaf dan zakat untuk menyokong dana takaful mikro.

Namun masih terdapat beberapa isu Syariah yang menghalang penggunaan dana zakat untuk membangunkan model takaful. Isu-isu seperti ini perlu ada satu sokongan fatwa yang kukuh (Adekunle Mikail et al. 2017). Justeru, menjadi keperluan untuk mengkaji dan menganalisis hukum penggunaan dana zakat sebagai salah satu cara mengembangkan sektor ini ke arah potensi yang diharapkan. Kajian akan cuba menganalisis isu-isu tersebut bagi membangunkan model takaful mikro melalui dana zakat di Malaysia. Ia dimulakan dengan penjelasan mengenai konsep takaful mikro dan diikuti dengan analisis keperluan takaful mikro kepada dana zakat. Seterusnya kertas ini akan menganalisis beberapa isu berkaitan penggunaan dana zakat dari perspektif fiqh.

#### PERMASALAHAN KAJIAN

Insurans dan takaful menjadi satu komponen yang sangat signifikan dalam kerangka sebuah sistem kewangan negara. Bagi umat Islam, takaful menjadi pilihan kerana atas dasar agama. Ini kerana penggunaan insurans adalah diharamkan oleh Islam. Namun golongan berpendapatan rendah mula terpinggir daripada arus pemilikan polisi takaful. Lebih-lebih lagi golongan miskin dari kalangan asnaf zakat. Oleh itu, satu skim khusus perlu diwujudkan bagi membantu mereka mendapat akses kepada perubatan. Takaful mikro merupakan salah satu cara yang terbaik untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah dan miskin.

Secara umumnya, takaful mikro masih belum dilaksanakan secara menyeluruh. Sepertimana yang diketahui, takaful mikro bertujuan membiayai golongan miskin sekiranya berlaku kejutan ekonomi dan kewangan secara tiba-tiba. Masalahnya, isu pendanaan sering menjadi kritikal dalam industri kewangan mikro Islam termasuk takaful mikro. Kekurangan dana boleh melemahkan potensi pertumbuhan pada masa depan dan memberi kesan terhadap usaha dan strategi ke arah rangkuman kewangan dan pembangunan mampan. Muhammad Ali Jinnah et al (2017) dan Adekunle Mikail et al. (2017) menyuarakan isu pendanaan takaful mikro berkisar sekitar sumber yang kukuh dan mencadangkan penggunaan dana zakat dan wakaf. Bagi zakat secara khusus, ia dilihat mempunyai potensi yang baik. Ini disokong lama oleh Brugnani (2013). Namun dari aspek fiqh, penggunaan zakat sebagai satu dana khas untuk disalurkan kepada syarikat takaful sebagai pengendali memerlukan

kepada analisis hukum. Ia berkait dengan hukum *tamlik* (pemberian hak milik) dana zakat ketika agihan zakat kepada asnaf. Penentuan hukum sama ada *tamlik* wajib atau tidak boleh memberi implikasi kepada agihan dana zakat secara langsung kepada syarikat takaful yang menawarkan produk takaful mikro. Justeru, menjadi keperluan untuk mengkaji isu ini bagi mengembangkan sektor ini ke arah potensi yang diharapkan. Kajian akan cuba menganalisis pandangan fuqaha' berkaitan isu tamlik dana zakat kepada asnaf dalam agihan dana dan menghuraikan kesannya dalam isu penyaluran dana zakat kepada institusi takaful mikro.

## SOROTAN LITERATUR

### 1. Konsep Takaful Mikro

Menurut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, takaful adalah suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Konsep takaful mikro sebenarnya bermula dengan insurans mikro. Ia muncul sebagai salah satu cabang alat kewangan kewangan mikro dan berkembang dari semasa ke semasa sehingga menjadi konsep tersendiri. Takaful mikro dianggap sebagai alternatif kepada insurans mikro konvensional (Mohamad Hasim 2014).

Takaful mikro merupakan satu mekanisme yang menyediakan perlindungan patuh Syariah kepada golongan berpendapatan rendah pada kos yang berpatutan (Ashikin & Rom 2012; Mohamad Hasim 2014). Takaful mikro mempunyai fungsi teknikal yang sama seperti takaful. Namun takaful mikro memiliki ciri-ciri unik yang berkaitan misi sosial (Brugnoni 2013). Misi sosial yang memayungi takaful mikro menjadi asas kepada keperluan membangunkan model terbaik seperti dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia iaitu mesti bercirikan *cost-effective*, boleh diakses dan mudah difahami (Bank Negara Malaysia 2016).

Ini menunjukkan bahawa sepertimana insurans mikro, takaful mikro juga bertujuan memberi perlindungan kepada golongan miskin. Mengikut Bank Negara Malaysia melalui *Discussion Paper*, takaful mikro didefinisikan sebagai satu produk takaful yang direka untuk memberi respon kepada keperluan perlindungan kewangan bagi isi rumah berpendapatan rendah (Bank Negara Malaysia 2016).

Perlindungan kewangan di sini bermaksud kemampuan untuk mendapat akses tepat pada masanya dan sumber kewangan yang mencukupi untuk menghadapi perbelanjaan major atau menyediakan bantuan sementara atau separa ketika menghadapi kesulitan kewangan yang disebabkan peristiwa buruk luar jangkaan. Manakala isi rumah

berpendapatan rendah pula, ia merujuk kepada golongan miskin, mudah miskin atau isi rumah berpendapatan sederhana yang rendah (*lower middle-income households*), khususnya kumpulan yang tidak mendapat capaian kepada takaful.

Oleh kerana itu, salah satu inisiatif Bank Negara Malaysia untuk mengisis kelompangan industri takaful mikro ialah degan melancarkan Inisiatif Perlindungan Tenang pada 24 November 2017. Sasaran pengguna ialah segmen B40 yang juga sesuai untuk masyarakat awam yang masih belum mempunyai polisi perlindungan takaful dan insurans (Bank Negara Malaysia 2017). Ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan model takaful mikro yang baik sangat dialu-alukan.

Produk perlindungan tenang merupakan salah satu bentuk takaful mikro. Ia perlu memenuhi beberapa karakter seperti berikut:

- i. Mampu milik: Harga premium atau sumbangan hendaklah diletakkan pada tahap yang mampu dibayar, di mana pengguna mempunyai keinginan atau mampu membeli perlindungan tersebut.
- ii. Nilai baik: Produk hendaklah meliputi risiko-risiko yang penting untuk isi rumah.
- iii. Boleh diakses: Saluran agihan (*distribution channels*) hendaklah inklusif keadaan yang spesifik seperti lokasi, pekerjaan dan jenis kediaman yang biasa bagi populasi B40. Ia hendaklah mudah diakses dan senang seperti di hospital kerajaan dan pusat transformasi bandar atau desa.
- iv. Mudah difahami: Manfaat, terma dan syarat produk hendaklah dibentuk dengan cara yang mudah difahami oleh pengguna.
- v. Mudah dibeli dan dibuat tuntutan: Semua urusan bermula daripada kontrak dengan saluran agihan sehingga kepada tuntutan dan pembayaran hendaklah mudah dan senang.

### 2. Keperluan Takaful Mikro Kepada Dana Zakat

Skim takaful mikro memainkan peranan yang penting dalam negara-negara Islam yang sedang pesat membangun seperti Malaysia. Pasaran baru Islam ini boleh mewujudkan satu insentif bagi penyedia model takaful untuk menawarkan skim takaful mikro dalam negara-negara Islam. Terdapat beberapa kajian akademik yang memberi tumpuan kepada produk takaful mikro seperti Kaderet al. (2010), Altuntas et. al. (2011), Brugnoni (2013) dan Adekunle Mikail et al. (2017). Kajian-kajian ini menunjukkan kebergantungan takaful mikro kepada suatu dana yang mampan.

Brugnoni (2013) menjelaskan bahawa takaful mikro mempunyai tiga ciri-ciri unik iaitu prinsip kerjasama, hubungkait keberkesannya dengan dana zakat dan penggunaan instrumen pembiayaan mikro yang betul. Ini menunjukkan kepentingan zakat dalam pembangunan takaful mikro. Hal ini turut disokong oleh kajian Adekunle

Mikail et al (2017). Secara umumnya, zakat dikenakan ke atas harta-harta tertentu seperti simpanan, ternakan dan saham. Kaedah pengiraan zakat berbeza mengikut jenis harta. Sebagai contoh, bagi zakat simpanan ia dikenakan sebanyak 2.5% ke atas baki simpanan yang mencapai nisab setiap akhir tahun.

Manakala dari aspek agihan, ia wajib disalurkan kepada lapan kategori asnaf yang disebut dalam al-Quran (9:60) secara jelas. Apabila merujuk kepada laporan tahunan zakat, jumlah kutipan zakat menunjukkan data yang memberangsangkan. Peningkatan jumlah kutipan bertambah setiap tahun. Jadual di bawah menunjukkan jumlah kutipan zakat di Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.


Jenis-jenis zakat	2017	2016	+/-%
<b>Pendapatan</b>	408,848,038.25	392,446,919.06	4
<b>Perniagaan</b>	122,142,889.95	106,304,269.21	15
<b>Simpanan</b>	42,812,531.38	39,328,135.04	9
<b>Mal (harta)</b>	37,745,826.00	39,606,805.24	-5
<b>Qadha</b>	1,071,490.83	432,984.45	147
<b>Lain-lain Kutipan</b>	2,578,331.65	2,571,047.84	0.3
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>615,199,108.06</b>	<b>580,690,160.84</b>	<b>6</b>

Sumber: Ringkasan Laporan Zakat PPZ 2017

Peningkatan jumlah kutipan seperti yang tertera dalam jadual di atas perlu diselaraskan dengan agihan yang efektif untuk memastikan objektif pensyariaan zakat tercapai. Oleh itu, timbul beberapa cadangan agar dana zakat turut digunakan dalam pembangunan golongan miskin dan berpendapatan rendah seperti bantuan usahawan, modal mikro dan juga takaful mikro. Bagi takaful mikro secara khusus, Brugnioni (2013) mencadangkan agar dana zakat digunakan untuk membayar premium (sumbangan) bagi memiliki polisi. Dana ini boleh dibiayai oleh deposit bulanan daripada pembayaran yang diagihkan kepada asnaf fakir miskin. Manfaat-manfaat yang boleh ditawarkan kepada pemegang polisi termasuk pampasan kematian biasa, kematian mengejut, kecacatan kekal penuh, hospital, penyakit kronik dan simpanan.

Menariknya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pernah memberi bantuan takaful asnaf (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan 2018). Bantuan Takaful Asnaf ialah dalam bentuk takaful kelompok dan diberikan kepada penerima bantuan kewangan bulanan sahaja bagi meringankan beban asnaf yang ditimpa kemalangan dan kematian. Namun begitu, bantuan ini tidak lagi diteruskan oleh MAIWP kerana sebab ia dianggap kurang memberi manfaat pada pandangan MAIWP (Md Fadzli, 2018). Sebagaimana yang dimaklumi, takaful kelompok agak berbeza dengan takaful keluarga yang dimiliki oleh individu. Takaful kelompok lebih bersifat seperti khairat kematian dan hanya menawarkan perlindungan sahaja. Manakala takaful keluarga kebiasaanya menawarkan perlindungan dan juga simpanan kepada pelanggan.

Kajian ini cuba melihat idea penyaluran dana zakat kepada syarikat takaful bagi mewujudkan takaful mikro di bawah jenis takaful keluarga yang mengandungi elemen perlindungan dan simpanan. Gambarajah berikut menunjukkan idea penggunaan dana zakat kepada takaful mikro:



Walaupun penggunaan dana zakat untuk takaful mikro masih lagi tidak meluas. Barangkali ia disebabkan oleh isu-isu Syariah yang masih menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana Syariah khususnya hal penggunaan dana zakat sebagai untuk pembentukan model takaful mikro. Dapatan kajian Htay et al. (2015) mendapati autoriti zakat tidak dapat menyumbang bagi pihak penerima zakat. Berdasarkan temubual yang dijalankan, autoriti zakat perlu mendapatkan fatwa yang jelas terlebih dahulu.

Isu-isu ini berkisar sekitar metod agihan dana zakat yang dicetuskan oleh persoalan sama ada dana zakat wajib diagihkan kepada semua penerima zakat dalam pelan takaful mikro atau kepada mereka yang tertentu mengikut tahap keperluan dan keutamaan (Adekunle Mikail et al. 2017). Ia juga berkait dengan penggunaan dana zakat untuk pelaburan atau penggunaannya untuk membangunkan dana pembiayaan mikro (*microfinance funds*). Selain itu, isu utama yang membelenggu perkembangan model takaful mikro berasaskan dana zakat juga terfokus kepada isu pemilikan harta zakat yang sepatutnya diserahkan milik terus kepada fakir miskin, dan bukannya kepada syarikat pengendali takaful. Artikel ini akan memberi fokus kepada penjelasan dan analisis Syariah terhadap isu pemilikan harta zakat dari sudut pendapat para fuqaha' dan kesan isu *tamlik* terhadap penyaluran harta zakat kepada dana risiko takaful mikro.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dalam kerangka pengajian Syariah dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Data dikumpul daripada sumber-sumber primer dan sekunder yang terfokus kepada isu *tamlik* harta zakat kepada asnaf dalam mengagihkan dana zakat. Isu ini dianalisis berdasarkan kepada metode analisis induktif dan deduktif dengan menggunakan membandingkan pandangan fuqaha berdasarkan kepada dalil-dalil yang dikemukakan. Kajian ini menghimpunkan pandangan fuqaha' dari kalangan mazhab Hanafi, Maliki, Shafi'e dan Hanbali mengenai hukum *tamlik* kepada asnaf zakat dalam konteks agihan zakat. Di samping itu, kajian ini turut menganalisis beberapa data sekunder daripada fatwa, resolusi dan artikel jurnal atau prosiding yang menghuraikan topik yang mempunyai hubungkait dengan isu yang dikaji.

## ANALISIS HASIL KAJIAN

### 1. Pandangan Fuqaha' Mengenai Isu *Tamlik* Harta Zakat Kepada Asnaf

Zakat ialah salah satu rukun Islam yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim yang memiliki harta yang tertentu dalam keadaan mencukupi nisab dan haul. Hukum zakat tertakluk kepada nas-nas Syariah kerana ia adalah ibadat. Dana zakat mesti diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang dinaskan dalam al-Quran (9: 60). Dalam konteks kajian ini, asnaf fakir dan miskin menjadi fokus utama. Untuk mengupas isu hukum penggunaan dana zakat dalam membangunkan model takaful mikro, beberapa analisis hukum perlu dilakukan secara terperinci. Antaranya ialah hukum berkaitan kewajipan *tamlik* kepada asnaf fakir dan miskin dalam agihan zakat.

Isu syarat *tamlik* kepada asnaf fakir miskin menjadi salah satu isu Syariah yang menimbulkan polemik dalam pembangunan model takaful mikro. Ini kerana idea penggunaan dana zakat dalam pembinaan model takaful mikro memerlukan sumbangan dana tersebut ke dalam dana risiko. Ramai di kalangan sarjana Islam cenderung kepada pendapat bahawa wajib memberi milik harta zakat kepada asnaf fakir dan miskin ketika mengagihkan (al-Ghufayli 2008). Ini bermakna, harta zakat tidak boleh disalurkan kepada sesuatu yang lain meskipun golongan ini tetap akan memperoleh manfaat daripadanya kelak. Ini kerana elemen *tamlik* tidak tercapai.

Secara umumnya, pandangan sarjana Islam terbahagi kepada dua iaitu mazhab yang mensyaratkan *tamlik* dan mazhab yang tidak mensyaratkannya. Menurut majoriti fuqaha' yang dipelopori oleh mazhab Hanafi, Shafie (Al-Nawawi 2001) dan Hanbali (Al-Mardāwī, t.th) , *tamlik* harta zakat merupakan syarat dalam agihan zakat kepada semua asnaf zakat. Ini bermakna zakat tidak sah jika

tidak diberikan *tamlik* kepada mereka. Al-Kasani (1986, 2:39) menjelaskan:

إِذَا اشْتَرَى بِالرِّكَازِ طَعَامًا فَأَطْعَمَ الْفُقَرَاءَ عَدَاءً وَعَشَاءً وَمَ يَدْفَعُ عَيْنَ الطَّعَامِ إِلَيْهِمْ لَا يَجُوزُ لِعَدَمِ التَّمْلِيكِ.

Maksudnya: "Apabila seseorang pengeluar zakat memberi makanan dengan wang zakatnya lalu memberi makan kepada orang fakir pada waktu siang dan malam, di mana beliau tidak menyerahkan zat makanan kepada mereka, maka ini tidak harus kerana tidak wujud elemen *tamlik* (penyerahan hak milik)".

Menurut al-Mardawi (t.th), tokoh mazhab Hanbali:

يُشْتَرَطُ فِي إِخْرَاجِ الرِّكَازِ تَمْلِيكَ الْمُعْطَى. كَمَا تَقَدَّمَ فِي آخِرِ الْبَابِ الَّذِي قَبْلَهُ، فَلَا يَجُوزُ أَنْ يُعْطَى الْفُقَرَاءَ وَلَا يُعْتَبَرُ بِهِمْ.

Maksudnya: "Disyaratkan dalam pengeluaran zakat *tamlik* (memberi milik) kepada asnaf yang diberi, sepertimana terdahulu dalam bab terakhir sebelum ini, maka tidak harus hanya memberi makan atau memberi pakaian kepada golongan fakir".

Hujah mereka ialah berdasarkan kepada firman Allah Taala:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۗ قَرِيبَةً مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya zakat-zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana". (Al-Taubah:60).

Berdasarkan kepada ayat di atas, huruf lam pada perkata "*li al-fuqara*" membawa maksud *tamlik* (Al-Ghufayli 2008). Ini kerana Allah SWT menyandarkan perkataan sedekah kepada golongan yang boleh memiliki. Jika huruf "*lam*" tersebut disandarkan kepada golongan yang tidak layak memiliki maka ia akan membawa makna *iktisas* (eksklusif). Ini hanya boleh dilakukan kepada individu asnaf atau wakil mereka.

Bahkan disyaratkan *tamlik* kepada semua asnaf. Al-Shirazi menyebut sebagaimana yang dinyatakan al-Nawawi (2001):

فَأَضَافَ جَمِيعَ الصَّدَقَاتِ إِلَيْهِمْ بِلَاغِ التَّمْلِيكِ وَأَشْرَكَ بَيْنَهُمْ بِوَاوِ التَّشْرِيكِ فَدَلَّ عَلَى أَنَّهُ مَمْلُوكٌ لَهُمْ مَشْتَرَكٌ بَيْنَهُمْ.

Maksudnya: "Dan Allah menyandarkan semua zakat kepada mereka dengan huruf 'lam' bermakna *tamlik* (memberi milik) dan Allah menghimpunkan antara mereka semua (asnaf) dengan huruf waw. Maka ini menunjukkan bahawa zakat tersebut dimiliki oleh mereka dan dikongsi oleh mereka bersama".

Selain itu, menurut al-Kasani (1986, 2:39), Allah SWT menamakan zakat sebagai sedekah dalam firmanNya {إنما الصدقات للفقراء} dan *al-tasadduq* (memberi sedekah) ialah satu bentuk *tamlik*. Dengan kata lain, perkataan sedekah menunjukkan bahawa ia tidak akan berlaku kecuali dengan cara memberi milik (*tamlik*) kepada orang yang disedekahkan (Al-

Ghufayli 2008). Pendapat inilah yang dinyatakan oleh al-Nawawi secara jelas (2001, 8:307):

يشترط تمليك المستحقين وتسليطهم التام، فلا تكفي التغذية والتعشية بالتمر ونحوه.

Maksudnya: “Disyaratkan tamlik kepada golongan yang berhak dan memberi kuasa kepada mereka secara penuh. Maka tidak memadai hanya memberi makan siang atau malam dengan tamar dan seumpamanya”.

Antara dalil majoriti juga ialah firman Allah SWT (al-Quran 2: 110):

وآتوا الزكاة

Maksudnya: “Dan berilah zakat”

Dapat difahami daripada ayat ini disyaratkan tamlik kerana ayat ini menggunakan perkataan *ita'* yang bermaksud berilah. *Ita'* bermaksud *tamlik* (memberi milik). Malahan objektif zakat ialah golongan fakir dan miskin dapat mengambil manfaat daripada dana zakat, maka ia tidak akan tercapai melainkan dengan cara memberi milik penuh kepada mereka (Al-Ghufayli 2008).

Pendapat kedua pula dipelopori oleh Mazhab Maliki dan disokong oleh Ibn Taimiyyah di mana mereka menyatakan bahawa wajib *tamlik* harta zakat kepada sebahagian asnaf sahaja. Antara asnaf yang tidak perlu kepada tamlik ialah *riqab*, *gharimin* dan *fi sabilillah*. Manakala selain daripada asnaf tersebut termasuk fakir miskin, maka diwajibkan *tamlik* harta zakat kepada mereka ketika agihan. Mereka berhujah dengan ayat yang sama kerana huruf lam *tamlik* hanya difokuskan kepada empat asnaf pertama iaitu faqir, miskin, amil dan mua'allaf.

Selain itu, menurut mazhab Maliki, tafsiran huruf lam di sini bukan untuk tamlik, sebaliknya untuk menjelaskan asnaf agihan. Ini kerana sekiranya lam tidak ditafsirkan sebegitu, maka ia menjadikan agihan kepada semua kelapan-lapan asnaf adalah wajib sedangkan ia bukan satu pendapat yang tepat.

Dalam al-Tanbih, kitab fiqh mazhab Maliki, Al-Mahdawi menyatakan (2007, 2: 845):

وهذه اللام عندنا لام الصرف لا لام التمليك، ولهذا نقول: لا يجب أن تقسم الصدقات على ثمانية أصناف فيعطى لكل صنف قسم، بل لو أعطيت لصنف واحد أجزاء، وإنما تصرف بحسب الاجتهاد.

Maksudnya: ‘Dan huruf lam di sisi kami ialah *lam al-sarf* (menjelaskan agihan) bukannya lam bermaksud *tamlik*. Oleh itu kami berpendapat, tidak wajib mengagihkan sedekah kepada semua lapan asnaf, di mana setiap asnaf mendapat bahagian. Sebaliknya jika diberikan kepada satu asnaf sahaja sudah memadai. Dan agihan ini sebenarnya berdasarkan *ijtihad*’.

Tambahan pula, apa yang nyata daripada ayat tersebut ialah tidak mewajibkan *tamlik*. Pandangan yang mengatakan wajib *tamlik* adalah dianggap suatu tambahan ke atas nas Quran. Maka sebarang bentuk tambahan adalah tertolak.

## 2. Kesan Isu *Tamlik* dalam Kes Penyaluran Zakat Kepada Dana Risiko Takaful Mikro

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, didapati keempat-empat mazhab iaitu Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali bersepakat dalam isu tamlik kepada asnaf golongan fakir dan miskin. Mereka bersepakat mewajibkan *tamlik* (menyerah hak milik) harta zakat kepada mereka (Al-Ghufayli 2008). Ini bermakna dalam kes pembangunan model takaful mikro, timbul persoalan sejauh mana Syarak membenarkan dana zakat disalurkan kepada pengendali takaful secara langsung untuk diuruskan bagi kepentingan golongan asnaf tersebut. Ini kerana penyaluran dana secara terus kepada pengendali takaful tidak akan merealisasikan elemen *tamlik* tersebut.

Terdapat isu yang mirip pernah dibincangkan oleh ilmuwan kontemporari iaitu isu harta zakat disalurkan kepada projek pembinaan sistem air paip bagi kegunaan golongan miskin. Apabila dana zakat digunakan untuk menampung projek pembinaan sistem air paip atau perigi bagi kegunaan orang miskin, maka unsur *tamlik* tidak tercapai. Sebaliknya golongan miskin hanya berkongsi kegunaan paip atau perigi atas konsep *ibahah* (keharusan). Apa yang menarik, Fatwa Jawatankuasa Syariah Zakat House Kuwait pernah mengeluarkan satu resolusi khusus mengenai hal ini seperti berikut (Al-Ghufayli 2008):

“Hukum asal mengenai zakat ialah hendaklah diagihkan zakat kepada golongan fakir atau diletakkan dalam satu projek yang mana manfaat atau keuntungannya dikhususkan kepada golongan fakir dengan syarat aset fizikal projek kekal sebagai harta zakat yang boleh dijual beli ketika ada hajah (keperluan). Ini agar hasilnya dapat diagihkan kepada dana zakat ketika diperlukan. Maka pembinaan perigi pada sesuatu tempat tidak merealisasikan aspek ini kerana ia tidak termasuk dalam pemilikan seseorang. Malahan perigi boleh digunakan oleh orang kaya dan miskin kerana air (perigi) seperti ini dikongsi bersama oleh orang ramai sama ada kaya atau miskin. Malahan tidak ada orang boleh menghalang atau mencegah orang kaya daripada menggunakannya. Ini lebih mirip kepada sedekah jariah atau wakaf. Namun jawatankuasa Syariah berpendapat harus dari segi syarak untuk memberi milik harta zakat kepada penduduk miskin tempat tersebut, kemudian mereka sendiri menyalurkannya untuk projek pembinaan perigi bagi kegunaan mereka dan orang lain”.

Fatwa ini mencadangkan agar harta zakat diberi milik dahulu kepada golongan miskin. Pembinaan projek perigi hendaklah disalurkan oleh mereka sendiri selepas penerimaan dana zakat tersebut. Namun, projek tersebut meghadapai risiko kesukaran untuk mendapatkan semula dana dari golongan tersebut. Selain itu, fatwa di atas juga mengatakan bahawa pembinaan perigi daripada dana zakat membuka ruang orang kaya turut menggunakan perigi tersebut.

Walaupun bagaimanapun, jika dibuat perbandingan, isu mewujudkan takaful mikro daripada dana zakat berbeza daripada isu projek pembinaan perigi kerana

dana takaful mikro ini tidak dikongsi bersama orang kaya. Malahan ia khusus kepada golongan fakir miskin yang berkongsi memiliki dana tersebut. Justeru, sekiranya aspek pemilikan harta zakat diambil, maka golongan yang membenarkan boleh berhujah bahawa pemilikan tersebut juga telah berlaku, apabila dana zakat disumbangkan secara terus kepada syarikat takaful untuk manfaat golongan miskin.

Malahan, pemilikan ini mungkin boleh berlaku jika prinsip *shaksiyyah itibariyyah* atau orang di sisi undang-undang (*legal person*) pada dana risiko yang dikongsi bersama antara peserta. Dengan kata lain, dana risiko dianggap mempunyai hak dan tanggungjawab seperti seorang individu. Maka sekiranya pemilikan diberikan secara langsung kepada dana ini, ia tidak melanggar prinsip Syariah.

Isu penyaluran terus dana zakat kepada dana risiko boleh dikaitkan dengan isu *al-tamlík al-jama'i* (pemilikan secara kolektif). Ia bermaksud seseorang menunaikan zakat hartanya kepada sekumpulan faqir miskin atau satu asnaf tertentu di mana kesemua ahli kumpulan boleh mengambil manfaat daripadanya.

Isu pemilikan secara kolektif ini juga mirip dengan apa dibincangkan oleh ilmuwan klasik dan semasa dalam isu pembelian alat perang daripada harta zakat. Mazhab Hanafi (Abidin 1966), Shafi'i (Al-Sharbini 1997), dan pendapat masyhur mazhab Hanbali (Ibn Muflih 2003) menegaskan tidak harus membeli peralatan perang daripada harta zakat meskipun diberikan peralatan tersebut kepada tentera jihad. Ini berbeza daripada pendapat mazhab Maliki (Al-Hattab 1992) dan satu riwayat Ahmad yang membenarkan amalan ini. Maka harus menyalurkan dana zakat untuk pembelian peralatan perang seperti kenderaan, kapal, pembinaan tembok dan senjata dengan dana zakat (Uthman & Hamzah 2012).

Manakala ilmuwan semasa kebanyakan membincangkan isu ini dalam permasalahan keharusan melabur dana zakat dalam projek pelaburan yang mana keuntungannya kembali kepada asnaf yang berhak. Dalam resolusi Majmak al-Fiqh al-Islami pada tahun 1986 (Majmak al-Fiqh al-Islami al-Duwali 2018):

يجوز من حيث المبدأ توظيف أموال الزكاة في مشاريع استثمارية تنتهي بتمليك أصحاب الاستحقاق للزكاة، أو تكون تابعة للجهة الشرعية المسؤولة عن جمع الزكاة وتوزيعها، على أن تكون بعد تلبية الحاجة الماسة الفورية للمستحقين وتوافر الضمانات الكافية للبعد عن الخسائر

Maksudnya: Secara asasnya, harus menguruskan harta zakat dalam projek pelaburan yang berakhir dengan pemilikan asnaf terhadap harta zakat atau ia adalah projek seliaan badan Syarak yang bertanggungjawab mengutip dan mengagihkan zakat dengan syarat selepas semua keperluan segera diselesaikan kepada asnaf yang berhak dan cukup syarat jaminan jauh daripada kerugian”.

## CADANGAN KAJIAN LANJUTAN TERHADAP ISU TAMLIK

Suatu yang tidak dinafikan, perbincangan fuqaha silam dan klasik mengenai penggunaan dana zakat untuk pembangunan dana takaful mikro tidak dijumpai kerana institusi takaful masih belum wujud pada zaman mereka. Namun begitu, ia tidak bererti isu ini tidak boleh dikaji. Beberapa perkara wajar diambil kira mengenai kajian lanjutan berkaitan isu ini.

Antaranya ialah syarat *tamlík* sebagaimana yang disyaratkan oleh majoriti fuqaha' masih lagi dalam skop ijhtihad dan ia bukan perkara ijmak. Malahan sebahagian fuqaha' seperti al-Shawkani (Al-Shawkani 2004) menyokong pendapat tidak disyaratkan *tamlík* jika wujud *hajah* (keperluan). Maka, ruang untuk menganalisis *hajah* masih terbuka. Aspek ini boleh dijadikan kajian lanjutan dengan mengambil kira data-data baru khusus mengenai keperluan golongan fakir dan miskin untuk memiliki takaful mikro.

Walaubagaimanapun, jika diterima pendapat syarat *tamlík*, maka boleh dikatakan *tamlík* sudah berlaku dalam kes penyaluran harta zakat ke dana risiko takaful mikro. *Tamlík* yang berlaku ialah secara *kolektif*. Ini kerana ada di kalangan ulama membenarkan agihan zakat tanpa pemberian milik secara individu seperti agihan zakat untuk membeli hamba dan membebaskan mereka, agihan zakat kepada ibn sabil tanpa syarat pemilikan individu.

Isu ini juga boleh dikaitkan dengan isu anggapan institusi takaful mikro mempunyai *shaksiyyah itibariyyah*. Perbincangan sejauh mana institusi takaful mikro boleh dianggap *shaksiyyah itibariyyah* wajar diberikan perhatian. *Shaksiyyah itibariyyah* bermaksud sesebuah institusi dianggap hidup dan mempunyai tanggungjawab berdasarkan peruntukan undang-undang meskipun tiada kehidupan *tab'i* seperti manusia. Isu pemberian milik kepada *shaksiyyah itibariyyah* sangat penting dikaji dalam pembangunan model takaful mikro ini. Ini kerana dana risiko juga mempunyai ciri-ciri *shaksiyyah itibariyyah* mengikut peruntukan undang-undang kerana ia dijaga oleh sebuah syarikat takaful. Oleh itu, dana *tabarru'* atau dana risiko tersebut boleh dianggap sebagai sebuah dana yang mempunyai dentiti tersendiri yang dinamakan sebagai *shaksiyyah itibariyyah* atau *legal entity* (Ahmad et al. 2013).

Isu *shaksiyyah itibariyyah* dalam zakat ini juga boleh dibincang dalam perbincangan kedudukan pemerintah sebagai *shaksiyyah itibariyyah* kerana pemerintah melantik pengutip zakat untuk mendapatkan dana zakat. Maka amil-amil zakat yang dilantik khususnya institusi zakat hari ini dianggap entiti khas yang menepati ciri-ciri *shaksiyyah itibariyyah*. Di samping itu, para fuqaha menjelaskan bahawa seseorang sudah dianggap melaksanakan kewajibannya sebaik sahaja dia menyerahkan zakat kepada pengutip-pengutip zakat. Ia dinamakan sebagai *bara'at al-dhimmah* (bebas

dari sebarang tanggungjawab). Justeru ia sudah dianggap berlaku *tamlik* kerana *bara'at al-dhimmah* sudah dianggap pecahan daripada *tamlik*.

Selain itu, isu ini juga perlu dibincangkan dari aspek *maslahah* khususnya apabila pemerintah melihat keperluan untuk menguruskan penyaluran dana zakat kepada takaful mikro bagi membantu golongan miskin. Antara isu mirip yang boleh dipadankan ialah apa yang disebut oleh Imam al-Nawawi (2001) bahawa pemerintah atau pemungut zakat boleh menjual harta zakat kerana sebab darurat seperti dibimbangi kemusnahan harta zakat, wujud bahaya di pertengahan jalan dan keperluan untuk kos pemindahan zakat. Justeru ini menunjukkan tindakan pihak berautoriti khususnya pemerintah sangat bergantung kepada *maslahah*.

### KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa isu fiqh yang utama dalam pembangunan model takaful mikro daripada dana zakat ialah isu *tamlik* (pemberian milik) dana zakat kepada golongan asnaf. Dengan kata lain, penyaluran terus dana zakat kepada dana risiko yang dikhususkan untuk takaful mikro dianggap melanggar syarat *tamlik* dalam zakat. Namun begitu perlu ditekankan bahawa isu ini masih dalam skop *ijtihadiah* yang terbuka kepada penerimaan pendapat selain daripada majoriti.

Walaupun bagaimanapun, atas pendapat wajib *tamlik*, timbul juga persoalan adakah penyaluran dana zakat kepada institusi takaful yang menawarkan takaful mikro kepada asnaf yang telah dipilih boleh dianggap telah berlaku *tamlik*. Ini kerana dana tersebut tidak akan mengalir kepada golongan selain daripada asnaf fakir miskin.

Isu ini wajar dikemukakan kepada pihak berautoriti khususnya institusi fatwa setiap negeri untuk mendapatkan keputusan fatwa yang rasmi sama ada ia dibenarkan atau tidak. Malahan pihak pengurus dana zakat juga seharusnya sentiasa mempelbagaikan corak agihan zakat supaya agihan efektif dapat dicapai dengan baik.

### PENGHARGAAN

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil penyelidikan Aplikasi Takaful Mikro Melalui Dana Zakat di bawah dana GGPM-2018-007 dan Agihan dana zakat melalui mikro kredit dalam kalangan usahawan asnaf di Wilayah Persekutuan di bawah dana GUP-2018-073.

### RUJUKAN

al-Quran al-Karim  
Abidin, Muhammad Amin al-Shahir bi Ibn. 1966.  
*Radd Al-Muhtār 'alā Al-Durr Al-Mukhtār*.  
Damascus: Matba'ah Mustafā al-Halabi.

- Adekunle Mikail, Said, Ali Jinnah Ahmad, Muhammad, & Saheed Adekunle, Salami. 2017. Utilisation of zakāh and waqf fund in micro-takāful models in malaysia: an exploratory study. *ISRA International Journal of Islamic Finance* 9(1):100–105. <https://doi.org/10.1108/IJIF-07-2017-010>.
- Ahmad, Muhammad Ali Jinnah, Hussain, Lokmanulhakim, & Abdullah, Apnizan. 2013. Takyif fiqhi terhadap yuran prestasi ( performance fee ) daripada lebihan ( surplus ) dana risiko peserta takaful. Dlm. *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara Ke-7*, Kuala Lumpur: ISRA.
- Ashikin, Noor, & Rom, Mohd. 2012. Financial protection for the poor in malaysia : role of zakah and micro- takaful. 25(1):119–40.
- Bank Negara Malaysia. 2016. Microinsurance and microtakaful : discussion paper. (18 April):1–18.
- Bank Negara Malaysia. 2017. *Financial Stability and Payment Systems Report 2017*.
- Brugnoni, Alberto. 2013. Microtakaful. Dlm. Serap O. Gönülal (pnyt.). *Takaful and Mutual Insurance Alternative Approaches to Managing Risks*, hlm. 153–74. Washington DC: International Bank for Reconstruction and Development.
- Al-Ghufaylī, Abdullah bin Mansūr. 2008. *Nawāzil Al-Zakāh Dirāsah Fiqhiyyah Ta'sīliyyah Li Mustajaddāt Al-Zakāh*. Riyad: Dar al-Maymān li al-nashr wa al-tawzīc.
- Al-Hattab, Muhammad bin Muhammad bin Abd al-Rahman. 1992. *Mawahib Al-Jalil Fi Sharh Mukhtasar Al-Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Htay, Sheila Nu Nu, Sadzali, Nur Shazwani, & Amin, Hanudin. 2015. An analysis of the viability of micro health takaful in malaysia. *Qualitative Research in Financial Markets*.
- Ibn Muflih. 2003. *Al-Furu' Wa Tashih Al-Furu'*. Beirut: Mua'ssasih al-Risalah.
- Ismail, Abdul Ghafar, Zaenal, Muhammad Hasbi, & Taufiq, Umar. 2016. *Can Islamic Philanthropy Increase Financial Inclusion ?* Jeddah.
- Al-Kasani, Abu Bakr Mas'ud bin Ahmad. 1986. *Badā'ic Al-Şanā'ic Fī Tartīb Al-Şarā'ic*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mahdawi, Abu al-Tāhir Ibrahim bin Abd al-Şamad bin Bashīr al-Tanūkhī. 2007. *Al-Tanbīh A'la Mabādi' Al-Tawjīh*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Mardāwī, Alā' al-Dīn Abu al-Hasan °Alī bin Sulayman. t.th. *Al-Inşāf Fī Ma'rifat Al-Rājiḥ Min Al-Khilāf*. Beirut: Dar Ihyā' al-Turāth al-Arabi.
- Mohamad Hasim, Haslifah. 2014. Developing a conceptual framework of microtakaful as a strategy towards poverty alleviation. *Issn* 5(28):2222–1700. [www.iiste.org](http://www.iiste.org).
- Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf. 2001. *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*. Beirut: Dar



al-Fikr.  
Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Al-Khatib. 1997. *Mughni Al-Muhtaj Fi Ma'rifat Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.  
Al-Shawkani, Muhammad bin Ali. 2004. *Al-Sayl Al-Jarrar Al-Mutadaffiq Ala Hada'iq Al-Azhar*. Beirut: Dar Ibn Hazm.  
Uthman, Muhammad Ahmad, & Hamzah, Hamzah.

2012. Shart al-tamlik fi al-zakah wa mada ta'thirihi fi 'amal al-jam'iyat al-khayriyyah al-islamiyyah. *Majallat Jami'at Dimashq li al-Ulum al-Iqtisadiyyah wa al-Qanuniyyah* 28(1):681–99.

Yakob, Rubayah, & Rahman, Nor Hamizah Abd. 2017. Analisis pemilikan takaful keluarga atau insurans hayat dalam kalangan b40. 13(2):29–38.

Nik Abdul Rahim bin Nik Abdul Ghani  
*nikrahim@ukm.edu.my*  
Nurul Ilyana Muhd Adnan  
*ilyana\_adnan@ukm.edu.my*  
Ahmad Dahlan Salleh  
*dahlan@ukm.edu.my*  
Salmy Edawati Yaacob  
*salmy1001@ukm.edu.my*  
Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.

Rubayah Yakob  
*rubayah@ukm.edu.my*  
Hendon Redzuan  
*hendon@ukm.edu.my*  
Pusat Keutuhan Tadbir Urus dan Akauntabiliti  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor,  
MALAYSIA.

**KANDUNGAN / CONTENTS**

<b>Hukum Penggunaan Plasenta Haiwan dalam Produk Kecantikan di Malaysia</b> <i>The Legal Status on the Use of Animal Placenta in Beauty Products in Malaysia</i> Siti Maryam Abdullah, Che Maryam Ahmad	1-10
<b>Teknik Dakwaan Melampau dalam Pemasaran Produk Pengguna Menurut Perspektif Hukum Islam</b> <i>Overclaim Technique in the Marketing of Consumer Product According to Islamic Ruling Perspective</i> Mohd Anuar Ramli, Mohammad Naqib Hamdan, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli	11-19
<b>Keperluan Saksi dalam Permohonan Pengesahan Kes Hibah di Mahkamah Syariah</b> <i>The Necessity of Witness in Hibah Application in Sharia Court</i> Amirul Adli, Noor Lizza Mohamed Said	20-27
<b>Analisis Hukum Penggunaan Dana Zakat untuk Pembangunan Model Takaful Mikro</b> <i>An Analysis on the Ruling of Using Zakat Fund for the Development of Micro Takaful Model</i> Nik Abdul Rahim Bin Nik Abdul Ghani, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Ahmad Dahlan Salleh, Salmy Edawati Yaacob, Rubayah Yakob, Hendon Redzuan	28-36

Journal of Contemporary Islamic Law  
(2018) Vol. 3(2)

**Editor-In-Chief**

Dr. Mohd Al Adib Samuri

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editors**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Ibnor Azli Ibrahim  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda  
Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Centre for Contemporary Fiqh and Sharia  
Compliance,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2018), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 3(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>). You can download an electronic version  
online. You are free to copy, distribute and transmit  
the work under the following conditions:  
Attribution – you must attribute the work in the  
manner specified by the author or licensor (but not  
in any way that suggests that they endorse you or  
your use of the work); Noncommercial – you may  
not use this work for commercial purposes; No  
Derivate Works – you may not alter, transform, or  
build upon this work.